

Bersama bina semula negara pasca COVID-19

Dr
Maizatulkma
Abdullah



Pensyarah Kanan Fakulti
Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

COVID-19 disifatkan paling dahsyat selepas pandemik selsema Spanyol pada 1918-1920. Sehingga kini jumlah kes melebihi 10 juta dengan bilangan kematian melebihi 500,000 orang di seluruh dunia.

Pandemik ini memberi impak besar terhadap aspek sosial dan ekonomi seluruh dunia. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), negara G7 yang mempunyai tahap ekonomi kukuh juga terjejas teruk susulan daripada penularan COVID-19 yang begitu mendadak sejak lebih tiga bulan lalu.

Sempadan negara terpaksa ditutup dan aktiviti ekonomi dibenarkan serta-merta sehingga

membawa kemelesetan ekonomi paling buruk selepas kemelesetan ekonomi dunia pada 1930-an.

Malaysia semakin hampir memutuskan rantai virus ini. Sekarang masa untuk kembali memulihkan negara. Ibarat sebuah rumah runtuh, selagi kita ada sumber yang baik, kita mampu membina semula mengikut reka bentuk lebih baik.

Malaysia mempunyai banyak sumber untuk membina semula negara. Jika ingin proses pembinaan berlangsung cepat dan lancar, rakyat perlu berganding bahu dengan kerajaan menyusun batu-bata bersama.

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Jika ingin melihat Malaysia segera maju, rakyat perlu membantu.

Pertama, aspek kesihatan dan kebersihan. Rakyat yang sihat adalah modal insan penting untuk membina semula negara. COVID-19 musuh diri, keluarga dan negara.

La masih hidup dalam kalangan kita dan rakyat haruslah calca segala saranan kerajaan dalam menangani musuh ini.

Jangan ambil sikap sambil lewa terhadap aspek kebersihan diri dan jika ada simptom, segera kuarentinkan diri serta ikuti prosedur ditetapkan Kementerian Kesihatan.

Jadilah rakyat yang bertanggungjawab kepada negara dengan tidak menyebarkan virus kepada insan lain.

Negara maju seperti Itali dan United Kingdom tidak mempunyai fasiliti cukup untuk mengurus kes yang banyak dan serentak, apatah lagi Malaysia. Rakyat perlu melindungi negara supaya tiada gelombang kedua di negara ini.

Yang kedua, aspek ekonomi negara. Manfaatkan wang yang ada dalam poket rakyat ketika ini untuk bantu negara. Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia masih tidak lapuk.

Ia kekal relevan untuk menggalakkan pertumbuhan industri pembuatan negara di samping membuka semula peluang pekerjaan kepada mereka yang kehilangan sumber rezeki semasa COVID-19.

Hidupkan kembali industri pelancongan dengan melancong da-

lam negara. Malaysia sebuah negara cantik, kaya dengan pelbagai tarikan dan makanan yang enak.

Namun, belanja secara berhemah tetap menjadi keutamaan. Jika terdapat lebihan pendapatan, menabung di tempat yang memberi manfaat masa depan seperti Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Elakkan terjebak skim cepat kaya kerana ia bukan sahaja merugikan rakyat bahkan negara.

Ketiga, aspek produktiviti. COVID-19 memberi implikasi besar dalam kehidupan rakyat termasuk cara bekerja. Bekerja dari rumah sudah menjadi normal baharu.

Patuhi segala prosedur ditetapkan organisasi dan prinsip Dasar Pandang ke Timur kekal relevan untuk diamalkan. Ikuti cara rakyat di Jepun dan Korea Selatan yang rajin, cekap dan berdisiplin ketika bekerja.

Baca tips bekerja dari rumah supaya masa dan tenaga yang diberikan menatijahkan produktiviti optimum. Contohnya, wujudkan satu ruang kerja khas di rumah, mulakan kerja awal pagi, bekerja mengikut waktu pejabat

dan jika sudah berumahtangga, komunikasi dengan pasangan kaedah mewujudkan suasana kerja produktif di rumah.

Keempat, aspek alam sekitar ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), alan seolah-olah merawat diri daripada segala pencemaran manusia. Hasilnya, terdapat peningkatan dalam kualiti alam sekitar.

Air sungai dan laut dilaporkan kembali bersih dan udara kembali segar ketika tempoh PKP. Tempat yang cantik dan bersih boleh menjadi modal untuk menghidupkan kembali industri pelancongan.

Kos kerja pembersihan berkurang dan tahap kesihatan rakyat semakin baik kerana dapat menikmati air dan udara bersih. Rakyat perlu tingkatkan kecintaan terhadap alam sekitar dan tidak lagi membuang sampah merata-rata terutama ke dalam sungai dan laut.

Kita mampu membina semula negara ke arah sebuah negara maju pasca COVID-19. Jangan hanya bergantung kepada kerajaan dan berpeluk tubuh kerana setiap rakyat ada peranannya.